

Inspirasi



Selamat Hari Cikgu



INSPIRASI PENTADBIR

Mohamad Najib: Bendahari termuda dalam kalangan bendahari di Universiti Awam

INSPIRASI AKADEmia

Tajul Shuhaizam Rebut Peluang Lonjakan Kebitaraan Pendidikan melalui Fungsi IPM

EKSPLORASI MUALLIM

Cendol Pulut Behrang

WARISAN IBU KANDUNG

Rumah Pengetua MPSI tak lekang ditelan zaman

INSPIRASI ALUMNI

Syahir tonjol sisi budak kampung melalui TIK TOK

WIRA KITA

"Ingin wakil Perak di Kejohanan MAKSAK sebagai pencapaian tertinggi dalam sukan Petanque"

Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 4/2023 Bil. 17

April 2023

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO

Nurmaisara binti Ahmad
Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

**PENERAJU
KEBITARAAN
PENDIDIKAN**

قنراجو كبيتاران قندييقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Selamat tahun baharu 2023. Semoga UPSI terus melangkah ke tahun baharu dan terus meneruskan kegemilangan. Terus cemerlang dalam bidang pendidikan, pentadbiran, penyelidikan, sukan dan lain-lain bidang.



PROFESOR MADYA DR. MOHD IZWAN SHAHRIL

Kebelakangan ini UPSI semakin banyak melakar kejayaan dalam pelbagai bidang melalui penglibatan pihak pengurusan tertinggi, kakitangan dan juga pelajar. Banyak agensi luar yang datang untuk menjalinkan kerjasama, menunjukkan Universiti diRaja ini semakin dirasai kehadirannya. Malah banyak lawatan dari dalam dan luar negara yang menjadikan UPSI sebagai penanda aras mereka. UPSI semakin mendapat tempat sebagai tempat rujukan inovasi pendidikan negara.

Oleh yang demikian kita tidak seharusnya merasa terlalu kerdil jika dibandingkan dengan universiti ternama yang lain terutamanya RU (*research university*) kerana UPSI mempunyai kekuatan tersendiri dan merupakan satu-satunya universiti yang unggul dalam melahirkan ramai graduan terutamanya dalam bidang pendidikan bahkan graduan *open market* juga semakin mendapat tempat di dalam pasaran pekerjaan. Sebagai contoh beberapa pelajar kita juga sudah menjadi pengarah Animasi dalam penerbitan filem animasi seperti Ejen Ali. Kejayaan ini adalah hasil gabungan semua pihak sama ada oleh kakitangan akademik mahupun pentadbiran.

Kerjasama yang berterusan dan momentum kejayaan ini

harus diteruskan tanpa ada rasa penat mahupun putus asa.

Kita juga tidak melupakan pembangunan infrastruktur baharu di mana kita bakal memulakan operasi pembukaan pusat boling yang akan menjadi satu mercu tanda pembangunan dan satu-satunya kemudahan boling yang terdapat di daerah Muallim. Pasti selepas ini UPSI akan menjadi lokasi tumpuan peminat-peminat sukan ini dan membanjiri kampus UPSI. Ia sesuai dengan hasrat untuk merakatkan universiti kepada masyarakat luar dan setempat. Begitu juga dengan penggemar sukan golf, kita dalam proses untuk menyediakan kemudahan Driving Range yang akan turut menarik minat pengikut sukan ini. Banyak lagi kemudahan sukan dan lain-lain akan disediakan yang akan dinantikan tidak lama lagi.

Semoga kita akan terus dan lebih berjaya pada tahun baharu ini.

Sekian.





**PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF**

Guru Insani Pemangkin Generasi Madani

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Sambutan hari guru yang baharu sahaja kita raikan tahun ini sangat bermakna, kerana turut serta bercemar duli hadir ke bumi Muallim, Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Raja Pemaيسوري perak Darul Ridzuan, Tuanku zara Salim dan dif kehormat yang lain.

Peranan guru sangat penting dalam pembangunan insaniah pelajar. Sehebat manapun jawatan individu ketika ini dalam pelbagai lapangan seperti presiden, CEO, jurutera, ketua-ketua jabatan dan lain-lain kerjaya, sejarah kegemilangan mereka ini bermula dengan curahan ilmu dari

seorang guru. Oleh kerana pentingnya peranan guru ini maka UPSI mengambil langkah menyediakan dan memberikan kemudahan latihan bagi memastikan guru keluaran UPSI ini tidak menjadi guru yang biasa-biasa sahaja. Tambahan pula kerjaya sebagai guru kini lebih mencabar dengan perlunya membangunkan pelajar secara holistik, yang baik akhlak, adab dan juga akademik. Pelbagai program dirancang bagi melengkapi bakal guru ini dengan pelbagai ilmu terutamanya berkaitan teknologi baharu dengan penubuhan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (META) dan juga pembukaan pusat-pusat pembelajaran UPSI di luar negara seperti di United Kingdom Uzbekistan, UAE, Russia dan China untuk bakal-bakal guru ini agar memperoleh pelbagai kemahiran dan meneroka ilmu di peringkat antarabangsa.

UPSI juga sangat komited dalam memastikan kecemerlangan pendidikan dengan memperkenalkan beberapa program iaitu Program Malaysia Juara, Program Pelita Suluh Budiman, Program Pendidikan Anak Pelarian

di Sabah, Institut Tahfiz dan Turath Islami, dan Program Pemulihan dalam Komuniti. Program-program yang dilaksanakan ini tidak ditawarkan di mana-mana universiti awam lain di negara kita. Kolaborasi bagi memartabatkan profesion keguruan turut menjadi perhatian UPSI dengan kerjasama dijalinkan bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Malaysia bersama pusat tanggungjawab yang diamanahkan di UPSI iaitu Pusat Pedagogi Penyelidikan dan Inovasi (CPRI).

Semoga hasrat UPSI untuk menjadi 100 universiti terbaik di dunia dalam bidang pendidikan akan tercapai terutamanya dalam melahirkan guru-guru yang lengkap dari pelbagai kemahiran dan ilmu.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Jiwanya lebih cenderung untuk menjadi seorang pegawai perakaunan menyebabkan beliau menolak tawaran jawatan sebagai tutor di UUM. Keputusan berani yang diambil adalah tepat kerana telah dilantik sebagai Bendahari termuda dalam kalangan Bendahari Universiti Awam.

10



Inspirasi Akademia

Tajul Shuhaizam komited dalam membawa IPM dan Muzium Pendidikan Nasional, UPSI dalam mengetengahkan khazanah pendidikan bernilai negara dan memartabatkan peradaban Melayu di peringkat dunia.

16



Eksplorasi Muallim

Bermula dari gerai bawah pokok mangga di pekan Behrang Stesen pada 1997, perniagaan Ishak Ahmad berkembang maju dengan pembukaan beberapa lot kedai di Tanjong Malim dan Hulu Bernam serta Food Truck di Masjid Jamek Tanjong Malim.

20



Warisan Ibu Kandung

Rumah Pengetua MPSI yang dipercayai dibina antara tahun 1919 hingga 1922 menggunakan tukang rumah tempatan dan buruh import dari India. Seni bina rumah yang menggabungkan reka bentuk rumah tempatan iaitu rumah kutai Perak dan seni bina Inggeris.

24



Inspirasi Alumni

Menjadi 'Content Creator' bukanlah satu perkara yang mudah, namun Syahir Nordin bijak rebut peluang kembangkan idea dan bekerja keras untuk mencapai satu demi satu matlamat.

30



Lain-lain

36

Wira kita

Aktif dalam bidang sukan bermula sejak sekolah rendah, Hasbullah tidak toleh ke belakang apabila kejayaan demi kejayaan diperolehi. Dengan tekad, beliau akan terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih lagi.





Mohamad Najib: Bendahari termuda dalam kalangan bendahari di Universiti Awam



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN

Tuan Haji Mohamad Najib bin Mohamad (49 tahun) berasal dari Kampung Teluk Batu, Lenggong, Perak. Dilahirkan pada 13 Mac 1974 dan merupakan anak bongsu daripada 11 orang adik-beradik (6 orang lelaki dan 5 orang perempuan). Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana, bapanya seorang pemandu teksi dan ibunya seorang penoreh getah dan pesawah. Keluarganya banyak memberikan penekanan agama terutama mengenai ibadah solat dan Al-Quran.

Mendapat pendidikan awal di SK Lenggong, Perak dari tahun 1981 sehingga 1986 dan meneruskan pendidikan tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 di Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI), Perak

dari tahun 1987 sehingga 1991. Di SEMESTI, beliau menjalani proses mematangkan diri sebagai seorang budak kampung di mana beliau terpaksa berdikari dalam menjalani kehidupan di asrama penuh.

Antara rakan-rakan SEMESTI yang telah berjaya ialah Sayed Munawar b. Sayed Mustar yang merupakan ikon penyampai TV tersohor, Ahmad Khawari Mohd. Isa (Ketua Komunikasi Korporat, Majlis Sukan Negara) dan Azmir Zamri (Naib Presiden Pembangunan Strategik dan Korporat PETRONAS Kanada).

Selanjutnya, beliau meneruskan pengajian di matrikulasi Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pada tahun 1992 sehingga 1994. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian di UUM pada tahun 1997. Pada tahun 2006, beliau memperolehi Sarjana Perakaunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Beliau telah berkahwin dengan Puan Hajah Maskana bt. Hj. Ahmad (kini sebagai Timbalan Pendaftar Kanan N52 di pejabat Pendaftar, UPSI) pada 8 September 2001 dan dikurniakan 3 orang cahaya mata (2 orang lelaki dan seorang perempuan). Keluarga bahagia ini kini menetap di Proton City, Tanjong Malim.

PENGALAMAN KERJA

Kecemerlangan beliau dalam pendidikan menyebabkan beliau banyak ditawarkan peluang pekerjaan. Namun, beliau memilih untuk bekerja di firma perakaunan, Atarek Kamil & Co. di Silibin, Ipoh mulai 7 Oktober 1997 sehingga 31 Oktober 1998. Di Atarek Kamil & Co., beliau banyak belajar mengenai pengauditan akaun-akaun syarikat sendirian berhad, koperasi dan badan-badan berkanun di negeri Perak.

Jiwa beliau cenderung untuk menjadi seorang pegawai perakaunan menyebabkan beliau menolak tawaran jawatan sebagai tutor di UUM. Justeru itu, nasihat beliau kepada graduan

perakaunan, bekerja di firma perakaunan adalah batu loncatan dalam menjadi seorang akauntan yang lengkap dan berjaya.

Mulai 2 November 1998, beliau mula bertugas di UPSI sebagai Penolong Bendahari W41 dan di bawah penyeliaan En. Yusuf b. Semahil sebagai Bendahari dan Pn. Khadijah bt. Hamdan sebagai Timbalan Bendahari. Hanya beliau dan Pn. Normadkhah bt. Ardani sebagai pegawai di Jabatan Bendahari pada masa tersebut.

Beliau turut berkongsi pengalaman awal bertugas di UPSI. Pada masa tersebut, pentadbiran UPSI hanya di bangunan Suluh Budiman. Manakala, IPSI masih mentadbir bangunan lain termasuk bangunan asrama. Hubungan UPSI dan IPSI tidak begitu harmoni. Operasi UPSI masih serba kekurangan sehingga surat tawaran kepada para pelajar menggunakan duit kocek En. Yusuf Semahil sendiri. Prosedur kerja banyak mengikut UPM kerana En. Yusuf dan Pn. Khadijah merupakan mantan staf UPM.

Pengalaman beliau yang masih terpahat berkenaan dengan IPSI adalah mewakili UPSI sempena majlis penyerahan "O.T. Dussek Memorial Fund" sebanyak RM8,000 pada

sekitar tahun 1999 di Bangunan IPSI (kini Fakulti Bahasa dan Komunikasi). Ia masih digunakan sehingga kini untuk pembelian buku sebagai hadiah kepada pelajar- pelajar UPSI yang cemerlang.

Beliau berasa bangga kerana bersama dengan jabatan Bendahari bermula dengan semua proses kerja masih lagi secara manual sehingga pada tahun 1999, membawa masuk sistem perakaunan pertama di UPSI, Integrated Accounting System (INTACS) sehingga pengautomasian sepenuhnya menggunakan sistem MyFIS Neo. Beliau juga terlibat dengan proses awal perkembangan sumber manusia di Jabatan Bendahari di mana bermula dengan dua orang Penolong Bendahari kepada 11 orang Penolong Bendahari pada masa kini.

Menyingkap pengalaman bersama dua orang Bendahari, bersama En. Mohd. Yusuf Semahil sehingga tahun 2003 dan digantikan oleh Pn. Khadijah Hamdan. Beliau sering dibawa oleh En. Mohd. Yusuf Semahil ke mesyuarat peringkat tinggi seperti di kementerian kewangan dan juga terlibat dalam perbincangan mengenai pembangunan kampus baharu UPSI di Kuala Kangsar, Perak bersama dengan Timbalan

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, atas arahan daripada kerajaan pusat, pembangunan kampus baharu UPSI dipindahkan di bandar baharu Proton City. Tuan Haji Mohamad Najib kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Bendahari (W48) semasa usia 29 tahun pada 14 Oktober 2003.

PEMBANGUNAN UPSI

Menyentuh mengenai fasa pembangunan UPSI pada peringkat awal, beliau terlibat dengan pembinaan asrama di Taman Bernam Baru dan bangunan Canselori yang siap pada tahun 1999. Beliau juga terlibat secara langsung dalam pembangunan kampus baharu UPSI dan proses penyewaan bangunan kediaman di Taman Bahtera. Begitu juga dengan pembinaan bangunan baharu perpustakaan, kompleks muzik, auditorium dan gimnasium.

Mengimbas semula peringkat awal untuk mendapatkan sistem bermaklumat bersepadu Universiti (SMBU), yang bermula semasa pentadbiran Dato' Seri Dr Muhammad Rais bin Abdul Karim. Mandat diberikan oleh Puan Khadijah untuk membangunkan dan menjalankan sendiri sistem Financial Information

System (MyFIS) untuk kegunaan UPSI. Beliau juga beruntung pada masa itu kerana mendapat satu pasukan pegawai yang muda dan bersemangat, membangunkan SMBU sendiri dengan kerjasama vendor yang dilantik. MyFIS mula digunakan pada Januari 2005 yang mengambil masa satu setengah tahun. Walau bagaimanapun, beliau mengakui banyak rintangan yang terpaksa ditempuhi dalam membangunkan sistem tersebut.

Sumber inspirasi beliau dalam menghadapi pelbagai kesulitan ialah berpegang teguh dengan ayat Al-Quran maksudnya: "Maka sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan. Sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan." (Surah Al-Insyirah 5-6)

Beliau juga turut berkongsi bahawa sistem MyFIS UPSI ini mendahului sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang hanya bermula sejak tahun 2008. Antara kejayaan yang dicapai oleh MyFIS adalah mendapat tempat pertama Augerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) 2014 daripada kerajaan Malaysia. Ia juga memperolehi pengiktirafan Standard Accounting System for Government

Agency (SAGA) Compliance pada 2012 dan 2022 oleh JANM. Sistem ini juga telah berjaya dikomersialkan kepada tujuh agensi iaitu UIAM, USIM, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), FINAS, UNIMAS dan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dengan nilai jualan sebanyak RM15.7 juta.

Pada tanggal 1 Julai 2009, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Bendahari Kanan (W52) dan seterusnya dilantik sebagai Bendahari (W54) pada 1 Januari 2020 dimana Tuan Haji Mohamad Najib merupakan Bendahari yang termuda di Universiti Awam.

Banyak pencapaian universiti seperti hotel UPSI, Kompleks Sukan UPSI, Kompleks Akademik, UPSI Adventure Park dan penjajaran semula perniagaan UPSI Holdings adalah antara cetusan daripada idea dan penglibatan secara langsung daripada Tuan Haji Mohamad Najib. Selain daripada itu, dua langkah inovasi Jabatan Bendahari telah mendahului kementerian kewangan iaitu pembelian tiket penerbangan secara atas talian dan pembelian barangan melalui platform atas talian menggunakan kad kredit korporat.

Tuan Haji Mohamad Najib juga menjadi pakar rujuk

bidang di luar UPSI, seperti menjadi ahli jawatankuasa bagi membangunkan modul kepimpinan untuk pemimpin akademik dan pentadbir UPSI di bawah inisiatif AKEPT Bidding Project: Capacity Building in Leadership (CAPABLE), menjadi penceramah bagi Persidangan Pengguna SAGA 2015, menjadi panel untuk mengkaji semula surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 6 tahun 2014 berkaitan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) oleh JANM pada 11-13 Februari 2015 dan pembentang tentang kejayaan sistem MyFIS UPSI dalam Persidangan Pengguna SAGA tahun 2015 di Kota Kinabalu, Sabah pada 2-4 Mac 2015.

Beliau juga dilantik sebagai AJK teknikal Kad Prihatin Siswa KPT mulai 1 Mac 2021, AJK Pemandu dan Teknikal bagi meneliti dan memudahkan cara hal ehwal tadbir urus Universiti Awam (UA) pada 2 April 2021, menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Bendahari Universiti Awam (MBUA) pada 12 September 2022 yang berfungsi sebagai medium yang membincangkan urusan berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan UA dan menjadi panel temuduga jawatan Bendahari Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) pada 17 Januari 2023.

PENGLIBATAN DI PERINGKAT KOMUNITI/ MASYARAKAT DAN PERSATUAN

Tuan Haji Mohamad Najib juga aktif dalam aktiviti komuniti/ masyarakat melalui penglibatan badan bukan kerajaan dan persatuan seperti kor SUKSIS, PRESTASI dan MASTI. Antara aktiviti yang dilantik sebagai Ajutan dengan pangkat Deputy Superintendan Polis (DSP/KS) mulai tahun 2005 sehingga kini dalam Kor SUKSIS UPSI. Beliau juga bertanggungjawab mengurus latihan anggota Kor SUKSIS UPSI sehingga layak ditauliahkan sebagai Inspektor (Sukarelawan Polis) dalam Pasukan Simpanan Polis (Police Volunteer Reserve- PVR). Antara pencapaian membanggakan ialah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana dalam Pelaksanaan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kor SUKSIS Universiti Awam Malaysia kali ke-14 tahun 2018 di UPSI yang mendapat pujian Ketua Polis Negara dan Pengerusi LPU UPSI.

Beliau merupakan barisan kepimpinan pertama dan menjadi Timbalan Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UPSI (PRESTASI) selepas ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2005. Seterusnya, dilantik sebagai

Presiden PRESTASI pada penggal 2011-2013. Di peringkat Majlis Persatuan Pentadbir Universiti (MASTI) pula, beliau pernah menjadi Timbalan Presiden MASTI bermula tahun 2011 hingga 2013 dan Bendahari Kehormat MASTI mulai tahun 2013 hingga 2017 yang berperanan memperjuangkan kebajikan dan hak Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) Universiti Awam Malaysia.

Bagi aktiviti kemasyarakatan pula, beliau berperanan sebagai AJK Sekolah Agama Rakyat (SAR At Taqwa), Proton City dan turut memainkan peranan penting dalam memperolehi kelulusan peruntukan RM2.5 juta untuk membangunkan SAR At Taqwa semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia ke Proton City pada Januari 2013. Tuan Haji Mohamad Najib juga merupakan kumpulan perintis yang menubuhkan ResQ Team UPSI secara rasmi dan bersistematik serta menjadi Bendahari bagi Akaun Amanah Sumbangan Bencana UPSI dan Akaun Pengurusan Bencana UPSI.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Tuan Haji Mohamad Najib menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), UPSI bagi tahun 2002,

2010 dan 2015. Memenangi Anugerah Tokoh Pentadbir UPSI tahun 2012, menerima Anugerah Sekalung Budi-Pembangunan Sukan UPSI atas jasa dan sumbangan dalam pembangunan sukan di UPSI khususnya merealisasikan pembinaan Kompleks Sukan UPSI di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), UPSI. Beliau juga mendapat pingat emas dalam Seminar Volunteerism & Corporate/ University Social Responsibility (VCORE) anjuran bersama MASTI dan POTENSI UNIMAP pada 21-22 Ogos 2015 di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Melalui penglibatan dalam Kor SUKSIS pula, Tuan Haji Najib Mohamad memperolehi surat penghargaan Ketua Polis Perak sempena Hari Peringatan Polis ke-204 pada 25 Mac 2011 dan surat Komandan Kor SUKSIS UPSI bertarikh 5 November 2016 atas sumbangan dan jasa sebagai Ajutan Kor SUKSIS UPSI.

PRINSIP DALAM BEKERJA

Beliau sentiasa mengingatkan, sebagai seorang pemimpin harus berfikiran kreatif, sentiasa mudahkan jangan susahkan tetapi kerja mengikut prosedur. Beliau juga berterusan menerapkan nilai bersama di Jabatan Bendahari iaitu berintegriti

amalan kita. Selain itu, menjalankan kerja dengan akal dan sepenuh jiwa serta melihat semua masalah sebagai peluang.

Beliau juga menegaskan setiap pemimpin juga perlu melengkapkan diri dengan semangat berlandaskan *dare to challenge convention, dare to dream* serta turut berkongsi motto yang dipopularkan oleh Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff (Naib Canselor UPSI) iaitu *impossible is nothing*.

Akhir sekali, beliau mengingatkan bahawa pekerjaan itu adalah satu ibadah dan jadikan tempat kerja itu seumpama syurga serta sentiasa ada keinginan untuk membantu dan memudahkan orang lain.

Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: Barang siapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.

Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465)





Tajul Shuhaizam Rebut Peluang Lonjakkan Kebutaraan Pendidikan Melalui Fungsi IPM



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Figura kali ini sangat komited dalam membawa IPM & Muzium Pendidikan Nasional, UPSI dalam mengetengahkan khazanah pendidikan bernilai negara dan memartabatkan peradaban Melayu di peringkat dunia.

Tajul Shuhaizam bin Said anak kelahiran Sungai Petani, Kedah merupakan anak bongsu daripada tujuh orang adik beradik. Namun, beliau membesar di dalam kem tentera kerana bapanya merupakan seorang pegawai tentera yang sepanjang hayatnya banyak dihabiskan dengan berkhidmat di seluruh pelusuk

negara termasuk di Sabah, Sarawak dan Singapura. Kem terakhir adalah di Mindef Kuala Lumpur.

BERDIKARI DI USIA KECIL

“Sewaktu kecil saya banyak kenangan waktu di sekolah rendah disebabkan peluang bersekolah di merata-rata tempat. Menariknya, saya tiada kawan yang rapat, baru je nak kenal sudah kena pindah. Sekolah pertama saya adalah di Sekolah Kebangsaan Kem Lok Kawi, yang terletak di PPD Daerah Penampang, Sabah, Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Raja Muda Kampung Baru Kuala Lumpur, Sekolah Rendah Kebangsaan Gombak Utara, seterusnya saya menyambung peringkat menengah di Sekolah Menengah Sri Perak dan Sekolah Menengah Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak.

Pendedahan berdikari saya pada waktu itu agak di luar kotak. Seusia 12 tahun, saya dipindahkan dari Kuala

Lumpur ke satu kawasan yang sangat asing bagi saya. Kampung! Sejak itu, saya belajar hidup berdikari.

Menariknya pemikiran arwah ayah saya adalah, saya perlu tinggal di kampung berbeza dengan abang-abang saya. Saya mempunyai lima orang abang dan seorang kakak. Saya mula dididik untuk berdikari sejak usia 13 tahun. Yelah, kena duduk asrama. Jauh pula dari Kuala Lumpur. Disebabkan saya seorang yang sangat aktif dalam penglibatan aktiviti sekolah, waktu lapang saya banyak dihabiskan di sekolah. Musim cuti sekolah pun saya jarang balik disebabkan terlibat dengan aktiviti luar di sekolah”.

BANGKIT SELEPAS KEGAGALAN

“Saya bergiat aktif dalam pengakap. Setiap kali cuti sekolah, saya akan *outing* untuk memenuhi pingat pengakap untuk *complete task*. Itu juga menjadi sebab kenapa saya jarang pulang ke Kuala Lumpur. Selain itu juga pengalaman tinggal di asrama sekolah telah mendedahkan saya

tentang *soft skill* sebagai pemimpin bila mana saya turut diamanahkan menjadi ketua atau 'kapla' asrama semasa di Tingkatan 5. Namun, cerita persekolahan tidak tamat di situ. Habis SPM, saya gagal! Hanya disebabkan tidak dapat menjawab kertas Bahasa Melayu kerana demam dan terpaksa tinggal di asrama. Keputusan 16 agregat, sudah cemerlang namun dikira gagal.

Disebabkan itu, saya nekad menyambung semula pelajaran ke sekolah persendirian agama di Parit Tok Ngah, Perak. Walaupun pada ketika itu semua bekas guru menasihatkan saya supaya hanya mengambil Bahasa Melayu kertas Julai sahaja, tapi saya tekadkan hati untuk cabar diri mengambil semula semua subjek SPM walaupun bukan dengan bantuan sekolah kerajaan.

Kini sekolah tersebut dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Al-Falah, Perak. Ketika itu, sekolah tersebut merupakan sekolah pondok dan binaannya diperbuat daripada kayu. Tanpa kenal erti putus asa, saya *repeat* SPM dengan belajar sendiri bersama rakan-rakan dan ustaz yang banyak membantu. Alhamdulillah, dengan izinNya dan pertolongan Allah SWT, SPM kali kedua saya cemerlang.

Selepas itu saya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 Rendah di Sekolah Panglima Bukit Gantang, Perak sebelum melanjutkan pelajaran ke UiTM. Ketika itu ia dikenali sebagai ITM. Pada asalnya, saya mohon kursus *Hotel and Catering (Hotcat)* tapi ditawarkan masuk kursus *art and design*. Minat melukis dah ada masa SPM, yang didorong oleh Cikgu Shafie Rejab (guru seni merangkap alumni MPSI), namun pada masa awal tahun 90-an, bila sudah mendapat tawaran kursus tersebut, saya teruskan. Ketika di ITM, saya telah menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes). Secara automatik, jadual saya menjadi agak padat. Cuti semester banyak dihabiskan dengan Latihan "ROTU". Ketika belajar peralihan pengurusan ITM di bawah Kementerian Pendidikan. Fasa yang ketiga (1996-1999) ITM menawarkan quick semester iaitu 3 semester dalam tempoh setahun, saya berjaya lengkapkan pelajaran dalam tempoh tersebut dan graduasi lebih awal dengan anugerah Ijazah sarjana muda (1994-1997)".

BERMULANYA KERJAYA

"Selepas graduasi, saya terus mendapat tawaran kerja di Syarikat Ukir Kaca Sdn. Bhd. dan seterusnya ditukar ke

Langkawi untuk membantu penubuhan sebuah kilang tiup kaca bernama Langkawi Crystal Sdn. Bhd. yang terletak di Jalan Kisap, Air Hitam, Langkawi. Kilang "*glass Blowing*" ini adalah merupakan kilang dan *showrooms* pertama di Asia Tenggara yang menyajikan konsep eko pelancongan dan menjadi kilang pioneer kraftangan barangan kristal yang terkenal dengan kerjasama Syarikat Kosta Boda dari Sweeden.

Kerjaya sebagai pereka dan pengarca produk kristal dan kaca di Langkawi Crystal bertahan selama tiga tahun sahaja. Ditakdirkan pada satu hari ketika sedang membantu rakan membuat papan pengiklanan di Pekan Kuah, saya terjumpa keratan akhbar yang menawarkan pekerjaan sebagai tutor di UPSI dan saya telah memohon jawatan tersebut.

Seterusnya, kerjaya saya terus berkembang di UPSI yang mana pada bulan April 2000 saya mula melapor diri di UPSI, seingat saya sebelum LIMA, Langkawi. Saya telah ditemubual oleh Dato' Ashaari, Dekan Tuan Haji Ibrahim dan Prof. Zulkifli Yusof. Hujung tahun 2001, saya ditawarkan menyambung pengajian peringkat sarjana di Birmingham, England. Ketika itu, saya baru mendirikan rumah tangga bersama Dr. Harozila binti

Ramli, jadi kami sama-sama menyambung pelajaran di sana sehingga tahun 2002. Alhamdulillah saya menamatkan pengajian peringkat Master dengan pengiktirafan Distension. Pada tahun 2005 pula, saya menyambung pengajian Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sains Malaysia sehingga tahun 2008.

Selepas menamatkan pengajian PhD dalam masa dua tahun, saya kembali memasuki dunia pekerjaan sebagai pensyarah Universiti. Sekitar awal kerjaya, pensyarah muda seperti saya banyak terlibat yang dengan penyelidikan. Saya bersama Prof. Dr. Elyas (FSM) antara rakan awal yang banyak membuat penyelidikan dan masuk pertandingan bersama-sama. Saya banyak belajar dari senior seperti Prof. Dr. Omar, Prof. Saberi, Prof. Rosli dan arwah Prof. Dr. Ramli Hitam, pada ketika itu merupakan Penyelaras Inovasi di RMIC. Kajian penyelidikan saya merentas bidang seni dan bahan tanah liat yang memfokuskan penyelidikan dan meneruskan kajian bidang seramik.”

PIKUL AMANAH PEGANG JAWATAN

“Saya pernah diberi amanah selama tujuh tahun untuk memegang jawatan sebagai Pengarah RMIC

pada tahun 2014 sehingga tahun 2020. Sebelum itu, saya banyak memegang jawatan di fakulti bermula dengan sebagai penyelaras serta Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FSKIK.

Banyak cabaran yang dihadapi ketika memegang jawatan namun itu adalah lumrah alam. Tahun 2014 hingga 2015, RMIC merupakan pusat tanggungjawab yang tadbir urusnya belum sempurna. Banyak perkara dibuat secara manual. Namun, bersama team dan sokongan bantuan pegawai-pegawai, kami berjaya untuk bangunkan sistem Rims. Sehingga kini, sistem tersebut masih digunapakai untuk

tujuan 4P (Penyelidikan, Perundingan, Penerbitan dan Pengkomersialan). Fungsi RMIC itu sendiri merupakan antara nadi utama di sesebuah universiti selain daripada akademik yang menjaga 4P. Ia sebagai satu platform yang penting untuk menyediakan ruang dan peluang serta menjadi pemudahcara kepada para akademik untuk melibatkan diri dalam 4P. Selain daripada menyediakan tadbir urus yang baik di RMIC, Sepanjang tempoh berkhidmat sebagai pengarah RMIC, kompleks RMIC turut dapat direalisasikan sebagai “one stop center for innovation”.

Transformasi untuk IPM dan Muzium Pendidikan Nasional seharusnya



adalah untuk menyahut seruan Pelan Strategik UPSI di mana IPM akan menjadi satu katalis dalam pembentukan atau keberhasilan UPSI sebagai peneraju kebitaraan pendidikan. IPM akan memainkan peranan yang penting dalam membantu melonjakkan makna kebitaraan pendidikan itu melalui fungsi IPM dan MPN di mana kita akan adakan banyak jaringan dengan pemegang taruh peradaban melayu seluruh dunia.

Sebagai contoh, IPM sudah berjaya mengadakan Simposium Memartabatkan Bahasa Melayu dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri, Persidangan dan

Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Belia Malaysia. MPN sekali lagi bekerjasama dengan Pejabat Perdana Menteri untuk Persidangan Rumpun Melayu Sedunia. Itu antara usaha awal IPM dalam membantu UPSI ke arah menjadi universiti yang bitara. Selain itu juga dalam perancangan IPM, selari dengan hasrat KPT dan kerajaan kita sedang menyelaraskan penubuhan Jawatankuasa Induk Pengajian Melayu UA, yang mana akan mendai pemaaju kepada keterlibatan secara aktif UPSI dalam merencana pelbagai inisistif berkaitan Peradaban Melayu yang

selari dengan konsep Malaysia Madani.

PILIH KEUTAMAAN

“Akhir kata, prinsip hidup saya, “Hidup atas tanah adalah amanah dan bila pulang bawah tanah semoga ke Jannah”. Oleh yang demikian segala kerja buat perlu dilaksanakan sehabis baik dengan penuh integriti. Seusai 23 tahun berkerjaya di UPSI banyak pengalaman kehidupan pahit manis yang mengajar tentang kemanusiaan dan ketentuan Pencipta, saya memilih sokongan keluarga yang menjadi antara kekuatan kelangsungan menabur bakti.”







Cendol Behrang: Dari Bawah Pokok Mangga ke Restoran



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

Cendol adalah pencuci mulut sejuk yang sering menjadi pilihan rakyat Malaysia. Cendol diperbuat daripada tepung beras dan air pandan yang terhasil apabila adunan ditekan melalui penapis ke dalam air kemudian dicampur dengan sirap gula dari gula kabung dan santan.

Nama asal bagi cendol ialah Chorn Dooi dari bahasa Selatan Thailand (Bahasa Melayu Patani) bermaksud tolong. Pada suatu ketika dahulu, proses membuat cendol

amatlah sukar dan memerlukan pertolongan beberapa orang lain. Setelah Negara Islam Patani itu ditakluki oleh kerajaan Thailand, maka ramai penduduk negara Patani berpindah ke negeri-negeri di Tanah Melayu dan memperkenalkan sejenis minuman manis dan kemudiannya dikenali sebagai Cendol.

Di daerah Muallim, Cendol Behrang yang dimiliki oleh Encik Ishak bin Ahmad (57 tahun) dan keluarga sudah tidak asing lagi dalam kalangan penggemar cendol di daerah Muallim, Hulu Selangor dan sekitarnya. Bermula dari gerai bawah pokok mangga di pekan Behrang Stesen pada tahun 1997, perniagaan beliau berkembang maju dengan mempunyai satu kedai di medan selera Behrang Stesen (2004),

cawangan di Hulu Bernam, Selangor (2005) dan food truck di Masjid Jamek Tanjong Malim (2018). Oleh kerana sambutan yang menggalakkan di Ulu Bernam, mulai Februari 2023 beliau memindahkan cawangan tersebut ke restoran di Taman Bahtera, Hulu Bernam, Selangor.

Bermula dengan menu cendol dan rojak buah sahaja. Kini, Cendol Behrang menyediakan pelbagai menu seperti laksa utara, mi/ bihun sup utara, mi bandung, mi kari dan nasi ayam. Beliau yang berasal dari Sik, Kedah mendapat pendidikan rendah dan menengah di Sekolah Kebangsaan Batu 5 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sik, Kedah sehingga tingkatan 5. Beliau berhijrah ke Shah Alam dan bekerja di kilang Panasonic. Kemudiannya, beliau bekerja pula di Airod, Sepang. Berkahwin dengan Radziah binti Mat Ali pada 31 Ogos 1992 dan dikurniakan seramai 6 orang anak (4 lelaki dan 2 perempuan) serta seorang cucu perempuan. Beliau kini menetap di Sungai Nilam, Sungai Selisek, Selangor. Beliau memberitahu asal resepi pembuatan cendol berasal dari arwah ibunya, Esah binti Uduh yang dibuat secara tradisional.

Asal resepi petis rojak pula berasal dari Sepang, Selangor. Resepi berkenaan beliau perolehi ketika mula berniaga di Sepang selama 6 bulan selepas berhenti kerja di Airod. Pengalaman berniaga tersebut menyebabkan beliau memulakan perniagaan

faktor dapat mengekalkan keenakan cendol dan variasi hidangan cendol seperti menawarkan cendol durian dengan harga yang berpatutan menyebabkan perniagaannya mendapat sambutan. Bagi mengekalkan rasa enak pada cendol dan menu lain,

memastikan kualiti yang konsisten. Bagi hari Sabtu dan Ahad, beliau boleh memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM5,000 ke RM6,000 melibatkan 8-10 kilogram cendol dan 10-16 kilogram santan. Selain jualan di gerai dan restoran, beliau juga menyediakan perkhidmatan katering sejak 1999 dengan aktif mebekalkan cendol, rojak dan laksa di majlis perkahwinan dan keraian yang lain.

Dari segi pekerja, Encik Ishak mula menggunakan khidmat dari pelajar UPSI sejak tahun 1998 lagi dengan kadar upah sebanyak RM50.00 sehingga RM80.00 sehari. Beliau juga mengakui berniaga makanan dan minuman di Tanjong Malim perlu bijak kerana komuniti pelanggan tidak meluas dan kajian rambang beliau mendapati selepas pusingan 10 hari barulah satu pelanggan tersebut datang kembali menikmati cendolnya kerana ia merupakan menu tambahan atau pemanis mulut sahaja. Beliau juga bersyukur kewujudan warga UPSI dan keupayaan menu cendol menarik pelbagai bangsa di daerah Muallim banyak membantu kejayaan perniagaannya.

Menurut pelanggan-pelanggan yang disantuni oleh penulis rata-rata menyatakan semua menu Cendol Behrang terutama

cendol dengan keyakinan potensi yang ada di daerah Muallim. Pelbagai cabaran berniaga seperti anak lelaki pernah ditimpa kemalangan semasa berumur 5 tahun kini mengalami kecacatan tetapi sumber kekuatan semangat beliau meneruskan perniagaan ialah apabila pelanggan memuji makanan dan minuman jualannya sedap. Beliau tidak menolak

beliau telah menetapkan piawaian prosedur operasi (SOP) dalam setiap proses penyediaan makanan dan minumannya. Keseragaman penyediaan minuman cendol bermula dari pembuatan cendol, air gula sehingga ke penyediaan minuman cendol itu sendiri walaupun disediakan oleh pekerja yang berbeza. Bekalan santan dan gula kabung pula dari pembekal yang sama bagi





cendol, rojak buah dan laksa amat istimewa dan sedap. Muhammad Adha bin Mohd. Sahimi, 29 tahun dari Proton City mengenali Cendol Behrang sejak 2011. Beliau paling minat dengan menu cendol kerana buatan asli secara turun-temurun ini mempunyai rasa yang tersendiri dan kemanisan cendol ini juga secukup rasa. Manakala, Bakhtiar bin Abdul Razak, 33 tahun dari Behrang Stesen mula mengenali Cendol Behrang sejak 2016 selepas baru melangsungkan perkahwinan. Beliau sangat meminati rojak buah kerana keaslian dan keunikan pesnya yang juga disediakan sendiri oleh keluarga En. Ishak. Rakan mereka,

Rahimi bin Roslan dari Felda Gunung Besout pula meminati menu bihun sup dan cendol pulut.

Mengakhiri perbualan, En. Ishak mempunyai impian untuk membuka cawangan Cendol Behrang di tengah-tengah pekan Tanjong Malim kerana di sana masih kekurangan kedai makanan terutama bagi menu makanan dan minuman yang ditawarkan oleh Cendol Behrang. Beliau juga bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat rezeki yang diperolehi melalui perniagaan yang dijalankan selama ini dan berharap ia akan diteruskan oleh anak-anak beliau.



Rumah Pengetua MPSI tak Lekang ditelan Zaman



Oleh:
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin
Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

Di kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulis tidak berhasrat melanjutkan perbincangan berkenaan padang bola SITC yang pernah menjadi gelanggang kepada pemain bola sepak Piala Malaya suatu ketika dahulu. Penulis berhasrat untuk membincangkan berkenaan padang bola tersohor ini pada penerbitan akan datang. Pada kali ini penulis akan menceritakan perihal Rumah Pengetua MPSI.

Rumah Pengetua MPSI ini dipercayai dibina antara tahun 1919 hingga 1922 menggunakan tukang rumah tempatan dan buruh import dari India. Struktur rumah ini diperbuat daripada kayu jenis keras seperti cengal, merbau dan kempas manakala atapnya jenis atap genting tanah liat. Seni bina rumah ini menggabungkan reka bentuk rumah tempatan iaitu rumah kutai Perak dan seni bina Inggeris. Rumah dua tingkat ini berlantai kayu, mempunyai tiga bilik tidur serta satu bilik air di bahagian atas, satu bilik tidur utama dan satu

bilik air di bahagian bawah yang berlantaikan simen. Bumbung rumah ini tinggi dan lebar serta terdapat hiasan kelalai di bahagian atas pintu dan tingkap di sekeliling rumah. Di bahagian hadapan terdapat serambi yang berperanan sebagai ruang menyambut tetamu ataupun tempat parkir kenderaan, manakala di bahagian belakang rumah terdapat anjung yang menghubungkan rumah ibu dengan rumah masak atau dapur.

Apabila SITC dirasmikan pada 29 November 1922, rumah ini sudah sedia ada bersama-sama dengan bangunan warisan yang lain. Lokasi rumah ini terletak tidak jauh dari Bangunan Suluh Budiman dan di pinggir Taman Astakona. Pada peringkat awal pembinaannya rumah tersebut dijadikan sebagai kediaman penolong pengetua SITC berbangsa Inggeris. Hanya selepas tahun 1958 ia dijadikan kediaman rasmi pengetua MPSI berbangsa Melayu.

Antara nama-nama penolong pengetua SITC yang pernah berkhidmat dan dipercayai mendiami rumah ini adalah seperti berikut:

1. Penolong Pengetua Pertama (1924), L.R.

Wheeler, beliau mengajar mata pelajaran Ilmu Alam dan Ilmu Bumi. Sebelum itu beliau pernah mengajar di MCKK dari tahun 1921 hingga 1923.

2. Penolong Pengetua Ke-2 (1925), F.L. Shaw, beliau ditugaskan mengajar Ilmu Hisab.
3. Penolong Pengetua Ke-3 (1926), R.F.C. Markham. Beliau kemudiannya dilantik sebagai pemangku pengetua pada tahun 1930.
4. Penolong Pengetua Ke-4 (1927), L.P. Henderson, beliau dilahirkan pada 14 Disember 1909, ditugaskan untuk mengajar dan melatih penuntut Ilmu Tanam Tanaman, latihan sukat menyukat tanah dan menyiasat binatang-binatang kecil.
5. Penolong Pengetua Ke-5 (1927 hingga 1929), W.B. Clarke.
6. Penolong Pengetua Ke-6 (1929), E.S. Tiddeman. Beliau kemudian menjadi guru di MCKK pada tahun 1932 hingga 1933.
7. Penolong Pengetua Ke-7 (1929), Tom Hood Nicoll (Agric.). Beliau dilantik

sebagai penolong pengetua bersama-sama W.B. Clarke dan E.S. Tidderman pada tahun yang sama.

8. Penolong Pengetua Ke-8 (1930-1936). J. Pearce. Beliau mengajar mata pelajaran Ilmu Mengajar (Pedagogi). Pada tahun 1933 beliau pernah dilantik sebagai pemangku pengetua SITC, kemudiannya menjadi pengetua pada tahun 1936 hingga 1937.
9. Penolong Pengetua Kesembilan (1930-1931). E.H.S. Bretherton. Beliau dilantik sebagai penolong pengetua bersama dengan J. Peace dan pemangku pengetua pada tahun 1940, seterusnya dilantik sebagai pengetua pada 1948 hingga 1949.

Semasa Perang Dunia Kedua di antara tahun 1940 hingga 1946, SITC telah ditutup dan para pelajar diarah berpindah ke Kuala Kangsar. Seluruh kawasan SITC termasuk rumah ini dijadikan markas dan hospital tentera Jepun mulai Januari 1942. Pada tahun tersebut, tentera Jepun berjaya menawan Slim River dalam pertempuran yang dikenali sebagai Pertempuran Slim yang berlaku dari 6 hingga 8 Januari 1942. Dalam

pertempuran itu, tentera Jepun merampas jambatan Slim River untuk mara ke selatan melalui kawasan Tanjong Malim. Tentera British yang diketuai Jeneral Percival mengarahkan pasukannya berundur ke selatan dan menyerahkan bahagian tengah Malaya tanpa pertahanan. Sejak itu, tentera Jepun menduduki SITC sehinggalah Jepun menyerah kalah apabila bandar raya Hiroshima dan Nagasaki dibom tentera bersekutu pada 6 dan 9 Ogos 1945.

SITC dibuka semula pada 1946 dengan keadaan yang amat menyedihkan. Banyak kawasan dan bangunan rosak serta tidak dapat digunakan. Kubu-kubu pertahanan yang digali di kawasan padang atau berhampiran bangunan utama dan rumah-rumah kediaman semasa perang dipenuhi dengan semak samun. Di antara tahun 1946 hingga 1948, pengganas komunis di kawasan Tanjong Malim mula bergiat aktif.

Selepas darurat diisytiharkan pada 12 Julai 1948, SITC diambil alih pula oleh tentera British dari pasukan The First Batalion of The Straforth Highlanders dan dijadikan pangkalan tentera British mulai 7 Ogos 1948 hingga 31 Ogos 1948, apabila ia diserahkan kembali kepada pihak kolonial British. Namun

selepas penyerahan itu, rumah pengetua MPSI ini tidak lagi dihuni kerana mengalami kerosakan dan keadaan fizikalnya agak teruk. Ia telah diperbaiki semula atas arahan pengetua E.H.S. Bretherton supaya dapat digunakan. Semasa R.A. Goodchild menjadi pengetua SITC pada tahun 1951 hingga 1952, beliau dikatakan tinggal di rumah ini bersama-sama keluarganya. Anak-anak dan keluarga Goodchild pernah datang melawat UPSI beberapa tahun lepas dan menceritakan bahawa mereka pernah tinggal di rumah tersebut semasa Goodchild menjadi pengetua SITC. Selepas keluarga mereka berpindah ke England, rumah tersebut diduduki pula oleh beberapa pensyarah Inggeris sehingga tahun 1958.

Selepas Malaya merdeka iaitu mulai tahun 1958, pengetua SITC yang dilantik adalah dalam kalangan bangsa Melayu iaitu Encik Zainal Abidin bin Mohd Ali. Beliau menjadikan rumah ini sebagai kediaman rasmi semasa bertugas sebagai pengetua SITC dari 17 Mac 1958 hingga 1959. Sebelum itu beliau merupakan Penolong Pengetua SITC dari 1 Julai 1950 hingga 16 Mac 1958. Beliau merupakan orang Melayu pertama yang menjadi pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Sejak itu, bangunan ini secara rasmi dikenali

WARISAN IBU KANDUNG

sebagai Rumah Pengetua MPSI.

Berikut ialah senarai pengetua MPSI yang pernah berkhidmat, kebanyakannya tinggal di rumah ini sebagai kediaman rasmi.

1. Pengetua Melayu Pertama MPSI (Pengetua SITC ke-11), Zainal Abidin bin Mohd Ali, 17 Mac 1958 hingga 1959.
2. Pengetua Melayu ke-2, Mohd Zain bin Abdul Rashid, 1 Januari 1960 hingga 31 Oktober 1969.
3. Pengetua Melayu ke-3, Ahmad bin Haji Salleh, 1 November 1969 hingga 1971.
4. Pengetua Melayu ke-4, Datuk Mohd Diah bin Haji Nordin, 1 Julai 1971 hingga 1973.
5. Pengetua Melayu ke-5, Nik Hassan bin Thani, 2 Januari 1973 hingga 1974.
6. Pengetua Melayu ke-6, Tuan Ismail bin Tuan Mohamed, 1 Jun 1974 hingga 1977.
7. Pengetua Melayu ke-7, Haji Osman bin Jaafar, 1 Ogos 1977 hingga 1978.
8. Pengetua Melayu ke-8, Hussein bin Awang Besar, 1 Disember 1979 hingga 1982.
9. Pengetua Melayu ke-9, Haji Hamzah bin Salas, 1982 hingga 1986.
10. Pengetua Melayu ke-10, Wan Abdul Aziz bin Wan Hamzah, 1987 hingga 1988.
11. Pengetua Melayu ke-11, Dr. Ashaari bin Che Mat, 1988 hingga 1992.
12. Pengetua Melayu ke-12, Dr. Hussein

bin Mahmood, 1992 hingga 1994.

13. Pengetua Melayu ke-13, Dr. Abdul Rahim bin Selamat, 1994 hingga 1996.
14. Pengetua Melayu ke-14, Haji Samsuddin bin Abdul Hamid, 1996 hingga 1998.
15. Pengetua Melayu ke-15, Haji Ramli bin Chik, 1998 hingga 1999.


Apabila UPSI ditubuhkan, Dato' Dr. Ashaari bin Che Mat dilantik sebagai Naib Canselor pertama yang berkhidmat mulai 1 Mei 1997 hingga 2 Mei 2001. Beliau menjadikan rumah ini sebagai kediaman rasmi bersama keluarga. Keluarga ini menceritakan beberapa kejadian aneh pernah berlaku semasa mereka mendiami rumah ini seperti pintu dan tingkap terbuka dengan sendirinya pada waktu tengah malam. Perabot dan barang-barang tertentu beralih kedudukan dari tempat asal dan banyak peristiwa seram yang berlaku tetapi hanya untuk kenangan mereka sahaja. Kakitangan UPSI yang pulang kerja pada waktu tengah malam pernah melihat rumah tersebut seolah-olah terpasang lampu sedangkan pada masa itu tiada yang menghuninya setelah lama ditinggalkan.

Selepas tahun 2001, rumah ini tidak lagi dihuni kerana Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) telah dinaik taraf menjadi Universiti Pendidikan Sultan Idris dan menubuhkan Muzium Pendidikan Nasional pada 26 Jun 2002. Rumah ini kemudian telah dibaiki dan dicat semula untuk dijadikan pejabat Muzium Pendidikan Nasional di bawah pentadbiran UPSI.

Pada tahun 2022, sesuai dengan tarafnya sebagai Muzium Pendidikan Nasional, kerja-kerja konservasi bangunan, menaik taraf ruang dan kemudahan-kemudahan yang lain di rumah ini telah dilaksanakan mengikut kehendak dan keperluan bidang permuziuman dengan mengekalkan struktur asas dan reka bentuk asal. Kini, walaupun usianya mencecah 100 tahun, Rumah Pengetua MPSI tetap utuh, menarik dan menyimpan kisah nostalgia yang sukar dilupakan oleh warga SITC-MPSI-IPSI-UPSI.





A young man with dark hair and glasses is sitting on large, light-colored rocks at a beach. He is wearing a grey polo shirt and a black shoulder bag. He is looking directly at the camera with a slight smile. The background shows a sandy beach, more rocks, and a blue sky with some clouds. A person in a blue shirt is visible in the background on the left.

Muhamad Nur Syahir bin Mohd. Nordin merupakan anak keempat daripada enam adik beradik. Anak kepada guru sekolah rendah manakala ibunya seorang suri rumah. Kini menetap di sebuah kampung yang terletak di Simpang Renggam, Johor.

“Saya telah dibesarkan dalam kehidupan berjimat cermat. Dengan pendapatan bapa yang sederhana, beliau perlu membesarkan enam orang anak. Sewaktu saya di sekolah rendah, saya merupakan seorang yang sangat pemalu, pendiam dan hanya bergaul dengan rakan sekelas sahaja.

Namun, saya mempunyai satu semangat yang sentiasa ingin mencuba untuk keluar dari kepompong kesusahan dan ingin membantu keluarga. Sejak sekolah rendah, dengan menjual nenas potong di sekolah agama dan menjual *key chain* nama yang diperbuat daripada batang ais krim, itulah yang menjadi permulaan saya bergiat dalam dunia perniagaan. Sewaktu di sekolah rendah juga, saya lebih berminat untuk menyertai pelbagai pertandingan seni seperti mewarna dan melukis poster. Dengan minat sedia ada inilah, menjadikan saya seorang yang lebih kreatif dan secara tidak langsung menyumbang pada hasil kejayaan diri saya sekarang.

“KAMPUNG PEOPLE BE LIKE” – Syahir tonjol sisi budak kampung melalui TIK TOK



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Berbalik pada latar belakang keluarga, sejujurnya saya dibesarkan bukan daripada golongan keluarga berada. Banyak impian dan hasrat saya yang tidak dapat dicapai atas faktor masalah ekonomi keluarga. Ayah saya sentiasa mengajar anak-anaknya untuk berjimat cermat dan yang paling saya ingat adalah ‘Jangan terlalu bergantung kepada orang lain’. Sewaktu saya kecil, untuk menampung ekonomi keluarga, ibu saya sebagai suri rumah juga membuat pendapatan sampingan dengan mengambil upah menjahit langsir dan membuat kuih raya. Ibu saya juga lebih gemar menanam sendiri pelbagai sayur-sayuran di keliling rumah dan ulam-ulam yang boleh dijadikan lauk makan tengah hari. Bahkan, kami juga menternak banyak ayam kampung di belakang rumah. Dari situ, banyak penjimatan daripada beli di pasar. Selain itu, sejak saya kecil, ayah kerap pergi menangkap ikan di sungai dan tasik, secara tidak langsung saya juga turut minat dengan aktiviti memancing ikan, menyauk ikan dan memasang pukat. Setiap kali turun ke sungai, mesti kami bawa balik banyak dan pelbagai hasil ikan seperti ikan terbul, ikan keting, ikan tilapia, ikan keli, ikan baung dan udang kara. Hasil tangkapan biasanya ibu

akan masak sebagai lauk kami sekeluarga. Ikan terbul yang banyak tulang, ibu akan goreng sehingga rangup dan makan bersama nasi putih. Inilah sedikit penceritaan sewaktu saya kecil yang mendorong saya untuk menjadi seorang yang berjaya pada masa kini.

Saya memulakan sekolah peringkat rendah di SK Seri Machap. Semasa darjah 3 dan 4, saya dilantik menjadi ketua kelas. Manakala semasa darjah 5 dan 6 saya dilantik menjadi pengawas sekolah. Saya tidak terlalu pandai di dalam kelas akan tetapi saya sangat berminat dengan subjek Matematik. Setiap kali subjek Matematik, sayalah orang yang paling bersemangat! Saya akan bersaing dengan rakan lain untuk menghafal sifir dalam Bahasa Inggeris dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh cikgu. Hasil minat saya dengan subjek Matematik inilah yang membuatkan saya berfikir lebih laju dan tepat. Namun saya sangat lemah dalam subjek Bahasa Inggeris dan hasil keputusan UPSR saya ialah 4A 1B (2012).”

DIUJI MASALAH KESIHATAN

“Selepas tamat UPSR, saya melanjutkan pelajaran di SMK Agama Segamat yang jarak perjalanannya 1 jam 30 minit dari rumah. Disebabkan perjalanan yang agak jauh menyebabkan keluarga jarang datang melawat saya di asrama, bahkan pulang ke kampung juga saya disarankan untuk menaiki pengangkutan awam. Dari situ, banyak

perkara yang saya belajar untuk hidup berdikari dan saya juga pernah berniaga dengan menjual makanan ringan semasa sesi prep pada waktu malam. Saya dilantik menjadi salah seorang pengawas rakan sebaya (PRS) semasa tingkatan 3 dan tingkatan 4. Waktu di sekolah ini, saya masih dengan perwatakan seorang yang pemalu, pendiam dan erti kata lain introvert. Hasil PT3 saya hanya sederhana iaitu 4A (2015) daripada sembilan subjek termasuk Bahasa Arab. Semasa Tingkatan 4 ini juga saya diuji dengan masalah kesihatan, di mana saya mengalami pendarahan pada saraf di kepala yang telah mengganggu penglihatan mata saya (*double vision*). Saya mengambil cuti lebih dua bulan semasa di Tingkatan 4 dan kemudian saya berhasrat untuk berpindah ke sekolah yang lebih hampir dengan rumah untuk memudahkan urusan perubatan saya di hospital. Setelah itu, saya berjaya berpindah ke sekolah baru iaitu SMK Simpang Renggam yang jaraknya hanya 6 km dari rumah. Dari sinilah bermulanya karier saya. Saya mula bergiat aktif untuk menyertai pelbagai pertandingan yang dianjurkan sekolah untuk mengasah bakat, keberanian dan keyakinan diri. Saya juga dilantik menjadi AJK majalah media sekolah semasa tingkatan 4 dan dari situ saya belajar menyunting gambar, jurufoto dan mendalami media sosial. Disebabkan minat yang semakin mendalam tentang dunia media ini, saya banyak belajar ilmu suntingan gambar

dan video. Dengan kerajinan dan sifat ingin mencuba yang tinggi serta rapat dengan guru-guru di sekolah, saya telah dilantik menjadi Pengerusi Majalah Sekolah di Tingkatan 5. Di sinilah saya mula membawa diri keluar dari kepompong, membuang rasa malu dan menjadi seorang yang lebih berani, yakin dan banyak bercakap. Mungkin ini adalah satu proses yang agak sukar bagi saya, akan tetapi saya dapat lihat yang perubahan ini akan memberikan satu hasil yang positif buat diri dan keluarga. Maka dengan usaha keras saya berjaya mendapat keputusan SPM dengan 5A 6B pada tahun 2017.”

JERIH PERIH MEMBAWA HASIL

Sewaktu menunggu keputusan SPM keluar, saya telah menyambung pelajaran di sebuah kolej swasta iaitu Unifield International College yang terletak di Mantin Negeri Sembilan selama 6 bulan. Hasil keputusan UPU, saya berjaya menyambung pelajaran di Asasi (Tamhidi) USIM dalam bidang Sains dan Teknologi 20/21. Sewaktu belajar di Tamhidi, disebabkan masalah kewangan peribadi, saya telah menceburi dunia bisnes sekali lagi. Saya menjadi dropship dengan menjual kasut di bawah Syarikat MurahKaya yang kini dikenali sebagai Makerz yang sangat terkenal dalam golongan remaja. Hasil menjadi dropship, saya berjaya mencapai hasil jualan 5 angka pada bulan kedua dan majoriti pelanggan saya adalah datang dari kalangan kawan, pelajar dan pengguna media sosial. Banyak saya belajar tentang ilmu perniagaan

sewaktu saya menjadi dropship MurahKaya ini. Disebabkan itu juga telah hadir rasa minat untuk saya menjadi seorang usahawan kerana dapat keluar dari masalah kewangan yang sempit. Tamat pelajaran di Tamhidi USIM, saya menyambung pelajaran di universiti yang sama dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Namun tekanan yang agak tinggi dalam bidang tersebut, pada minggu ke-11 semester 1, saya telah diuji sekali lagi dengan masalah kesihatan yang pernah dialami di Tingkatan 4 yang lalu. Saya mengambil masa yang agak lama untuk sembuh dan akhirnya saya mengambil keputusan untuk berhenti belajar dan berniat untuk menyambung pelajaran dalam peringkat diploma pula. Hasil dari keputusan ini, saya telah mendaftar UPU sekali lagi dengan meletakkan Diploma Keusahawanan di UPSI sebagai pilihan pertama. Maklumlah, saya kan dah mula minat dengan dunia perniagaan ini. Alhamdulillah, Tuhan permudahkan hasrat dan impian saya untuk menyambung pelajaran di UPSI dalam bidang keusahawanan dan kini saya sedang menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat yang terletak di Kuantan, Pahang.

BAHAGIA BERKONGSI REZEKI

“Pengalaman paling manis adalah saya dapat membahagiakan kedua ibu bapa dengan hasil titik peluh sendiri. Kita sendiri tahu bahawa mereka telah membesarkan kita sejak kecil dengan penuh kasih sayang. Jadi apabila kita

sudah besar, kita sudah ada pendapatan walaupun kecil, kita wajib membalas jasa mereka dan membuat mereka bahagia dengan sekecil-kecil pemberian. Saya bahagia bila dapat berkongsi rezeki yang saya ada dengan mereka, walaupun hanya belanja makan, belanja barang dapur dan beri duit setiap bulan. Dari sini jugalah akan lahirnya keberkatan dalam rezeki kita sebagai anak dan Insyaallah dipermudahkan lagi urusan untuk mencapai kejayaan yang lain. Sedekah terbaik adalah sedekah kepada keluarga, kemudian barulah orang lain yang memerlukan.

Pengalaman pahit saya ialah pengalaman yang saya harap ia takkan berulang lagi iaitu masalah kesihatan saya. Sejujurnya saya ada masalah kesihatan yang agak berisiko kerana melibatkan saraf di kepala. Tetapi alhamdulillah sejak kebelakangan ini, saya diberikan kesihatan yang berpanjangan dan diberi peluang untuk mencapai satu demi satu kejayaan.”

PENGLIBATAN DUNIA TIKTOK

“Saya mula terlibat dalam dunia Tiktok pada tahun 2021 iaitu ketika musim Covid-19. Sebabkan bosan duduk di rumah, saya mencuba aplikasi yang agak baru ketika itu dengan hanya menggunakan telefon sedia ada.

Bermula dengan membuat pelbagai konten video, ada video kata hikmah, cara penyuntingan dan video vlog. Senang cakap saya hanya buat konten video umum. Saya perasan video vlog mendapat view yang agak tinggi dari

video-video yang lain. Oleh sebab itu, saya cuba membuat lagi video yang hampir sama yang ada jalan cerita dan emosi seperti saya membuat vlog pendek membeli Mcdonalds sebagai hadiah kepada kawan yang mendapat anugerah dekan.

Daripada tontonan 1-10, video vlog tersebut mendapat lebih 1000 tontonan dalam beberapa hari. Waktu itu, bagi saya 1000 tontonan adalah satu angka yang agak besar. Saya buat lagi video lain, video ini adalah video saya beli air kotak susu di Tesco (Lotus) kerana susu Tesco antara susu yang sedap dan murah. Video tersebut juga mendapat tontonan yang cecah ribuan. Dari situlah mulanya ada yang memberi komen, tanda suka dan pengikut yang semakin bertambah. Itulah yang membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus membuat konten di Tiktok. Saya juga dapat tahu, ramai yang lebih gemar akan video yang mempunyai jalan cerita (*storyline*) dan penuh informasi. Kemudian saya melakukan lagi konsep sama tetapi hanya membuat video di sekeliling rumah. Aktiviti kampung seperti memancing, menangkap ikan di sungai, memetik buah-buahan dan banyak lagi menjadi pilihan genre Tiktok saya (Kampung People Be Like) dan Food Hunting.”

KENAPA KAMPUNG PEOPLE?

Dalam proses saya membuat konten di Tiktok, saya pernah terfikir bahawa cara orang nak kenal kita dengan lebih cepat adalah dengan membina trademark atau branding.

Semasa konten dibina pada 2021 (PKP) ketika itu adalah musim buah. Kalau korang nak tahu, keliling rumah saya banyak pokok buah yang pelbagai jenis seperti longan, rambutan, matoa, manggis, nangka, cempedak, nenas, kuini, pulasan, dokong, durian dan banyak lagi. Jadi saya ada idea untuk membuat video-video untuk menunjukkan buah yang ada di rumah saya. Saya mulakan video saya dengan ‘Kampung People Be Like’ yang membawa maksud seperti orang kampung macam ni lah. Kemudian saya menunjukkan footage satu demi satu jenis buah yang ada di sekeliling rumah saya dan pengakhiran video saya meletakkan satu soalan iaitu, cuba kongsi dekat rumah korang ada buah apa pulak? Saya tidak menyangka bahawa video saya telah FYP ketika itu dan mula mendapat hingga ratusan ribu tontonan. Ramai yang menulis komen dengan berkongsi buah yang mereka ada di rumah mereka dan ada juga yang menulis rindu akan kampung halaman kerana masa itu sedang PKP dan tidak boleh merentasi daerah mahupun negeri.

Tidak cukup sampai di situ, saya juga berkongsi pengalaman saya dengan menangkap lobster air tawar di sungai belakang rumah. Ramai orang Malaysia yang tidak tahu akan kewujudan lobster air tawar ini di perairan Malaysia. Saya juga membuat video cara menyangi dan memasak lobster. Selain dari menangkap lobster, saya juga membuat video memancing ikan dengan menggunakan pelepah sawit untuk mengisi masa lapang. Dari situlah, saya

menggunakan trademark ‘Kampung People Be Like’ bila melakukan aktiviti-aktiviti kampung. Dengan pengikut yang semakin bertambah hingga mencapai 100,000 pengikut kurang dari enam bulan, maka hadirilah sesetengah pihak yang ingin membuat kolaborasi mempromosikan produk mereka di aplikasi Tiktok. Tanpa banyak berfikir, saya terus ambil peluang tersebut walaupun saya tahu yang saya masih serba kekurangan dari segi gajet untuk membuat video review. Namun semua ini perlu ditanggung sementara kerana saya perlu menyambung pelajaran di tempat yang jauh. Dengan pengikut yang agak tinggi, saya rasa tidak wajar untuk berhenti di sini. Jadi saya membuat keputusan untuk membuat vlog pendek di kolej seperti *review* makanan di Cafe Khar UPSI dan membuat vlog harian pelajar seperti membasuh baju di dobi RM2 sahaja serta banyak lagi. Secara tidak sengaja, dengan video yang saya buat ini, menjadikan saya lebih dikenali dalam kalangan pelajar-pelajar di dalam kampus. Kuncinya adalah konsisten.

IDEA UNTUK KONTEN

“Jujur saya cakap, menjadi seorang ‘Content Creator’ ini bukanlah satu perkara yang mudah. Setiap masa saya perlu fikir tentang jalan cerita video yang bakal saya buat. Sayalah yang merangka jalan cerita, sunting video, membalas komen, mengurus media sosial Tiktok dan Instagram dan banyak lagi. Bila semua perkara itu diletakkan atas diri sendiri, memang agak berat.

Solusinya adalah saya perlu mengurus masa dengan baik, mengutamakan mana yang lebih penting dan selesaikan satu demi satu kerja mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Saya bergerak solo tanpa team. Mesti ramai pelik kan? Kenapa tak buat team, mesti boleh pergi lagi jauh dan lebih teratur. Jawapan dari saya, saya belum bersedia untuk buat team, saya jadikan Content Creator ini bukan satu pekerjaan tetap tetapi hanya sambilan sementara saya masih dalam tempoh belajar. Saya merupakan seorang yang *introvert*, saya lebih suka buat kerja dalam suasana yang tidak ramai orang dan tenang. Saya juga mempunyai personaliti yang sangat teliti apabila melakukan sesuatu kerja dan lebih gemar untuk membuat kerja dengan cara saya sendiri. Jika melibatkan orang lain, maka proses menyiapkan satu-satu kerja akan semakin panjang, melainkan jika saya dapat seorang team yang mahir dan minat yang sama seperti saya.”

KONTEN UNIK UNTUK TARIK PENGIKUT

Cipta video yang unik dan lain dari yang lain- Sebagai contoh, saya mula mendapat pengikut yang sangat ramai hingga ribuan orang *follow* saya semasa saya membuat konten menangkap lobster air tawar dan membuat aktiviti kampung yang lain. Video yang konsisten dan unik serta diikuti dengan kualiti video yang cantik, secara tidak langsung akan membantu dalam peningkatan jumlah pengikut di akaun media sosial kita. Senang cakap, mereka akan *follow* apa yang mereka suka.

Membuat video Bahagian 1 dan Bahagian 2- Video seperti ini membuatkan penonton ingin lihat sambungan video pertama. Jadi daripada terlepas, mereka akan *follow* akan tetapi perlu hati-hati. Video yang dibuat perlulah video yang mempunyai informasi seperti cerita/kisah dan perkongsian ilmu. Sebagai contoh, saya pernah membuat vlog menangkap lobster air tawar di sungai. Saya merakam dari awal saya meletakkan umpan ke dalam bubu, seterusnya meletakkan bubu ke tebing sungai, kemudian untuk hasil sambung *part 2*. Video seperti ini agak berisiko kerana, akan ramai penonton yang marah sebab video yang pendek dan bersambung. Tetapi saya jamin, ini antara cara untuk mereka untuk *follow* kita untuk melihat *part 2* tersebut.

Fokus pada satu niche - Untuk berkembang di dalam media sosial, seharusnya kita fokus pada satu *niche* atau satu bahagian konten sahaja. Jika anda minat tentang makan, jadi buat video makan, *food hunting* dan *review* makan sahaja. Dari situ, video kita akan menarik semua penggemar-penggemar makanan untuk *follow* kita.

PLATFORM LAIN UNTUK BERKARYA

Saya juga menggunakan aplikasi Instagram untuk mengedarkan video-video yang saya telah buat. Video yang saya post di Tiktok, akan di post juga di Reel Instagram. Ini kerana Reel adalah salah satu penyumbang terbesar untuk meningkatkan pengikut di Instagram. Facebook saya tidak

terlalu aktif manakala Youtube pula masih tertangguh hingga kini walaupun mempunyai hampir 10,000 *subscriber*. Ini kerana saya tidak cukup tangan untuk handle semua media sosial dalam satu masa. Insyaallah satu hari nanti saya akan aktif semula di Youtube.

BIJAK BAHAGI MASA

Saya membahagikan masa dengan menyiapkan dahulu tugas yang lebih penting seperti kelas dan tugas pelajaran. Kemudian pada waktu lapang, saya akan menyusun masa untuk menyiapkan konten dan video sama ada untuk *shooting* pada waktu siang atau menyunting video pada waktu malam kerana saya memerlukan suasana yang tenang dan kurang gangguan.

MATLAMAT DAN IMPIAN YANG TINGGI

Saya merupakan seorang anak kampung biasa yang hanya mempunyai matlamat dan impian yang sangat tinggi. Saya selalu melihat dan mengambil kehidupan orang yang lebih baik sebagai contoh dan teladan untuk diri saya supaya jadi berjaya seperti mereka. Saya masih mentah dan banyak lagi yang saya perlu belajar. Jika dijadikan sebagai contoh, mungkin boleh lihat pada semangat saya yang dapat membuktikan bahawa kita yang bukan sesiapa juga boleh jadi terkenal dan dikenali ramai.

FIKIRAN POSITIF ATASI KRITIKAN

Saya pernah dimalukan (*shaming*) kerana mempunyai

bibir besar dan gigi jarang. Saya akui itu memang kekurangan saya, akan tetapi kita kena ingat juga, dalam 1 orang yang negatif, masih ada 100 orang yang menyokong kita. Kekalkan untuk sentiasa pandang orang yang memberi semangat dan sokongan kepada kita, bukan orang yang mengkritik, mereka tidak memberikan apa-apa manfaat kepada kita. Prinsip saya, selagi kita buat ni benda yang betul, teruskan.

FAKTOR PEMBAKAR SEMANGAT

Faktor pertama saya adalah faktor keluarga, saya menanam azam dalam diri hendak berjaya agar dapat kabulkan hasrat ibu ayah saya serta berkongsi rezeki dengan ahli keluarga yang lain. Perkara tersebut menjadikan saya lebih semangat dan bekerja keras untuk mencapai satu demi satu matlamat. Sebagai contoh, dengan hasil usaha keras, saya dapat belanja satu keluarga makan, dapat bawa mereka jalan-jalan dan Alhamdulillah baru-baru ini saya telah hadiahkan ibu ayah saya sebuah kerusi urut elektronik. Matlamat terbesar saya adalah saya ingin menaja ibu ayah saya pergi ke umrah bersama-sama.

MAHIR MENANGKAP IKAN

Saya mahir dalam menangkap ikan secara tradisional. Dengar macam kelakar bukan? Saya gemar memasang bubu di dalam sungai, menangkap udang di tebing sungai (nyelok udang) dan memancing ikan di kampung hanya dengan menggunakan pelepah sawit. Semua aktiviti ini melibatkan kawasan bersemak, semestinya perlu berhati-hati dalam melakukan aktiviti ini. Ular dan biawak binatang biasa yang kerap saya jumpa, doa adalah sebaik-baik pelindung setiap kali saya masuk ke kawasan hutan dan sungai. Satu tips yang ayah saya suruh amalkan iaitu baca Bismillah 5.

SENTIASA MENJADI ORANG PERTAMA

Perjalanan beribu batu bermula daripada langkah yang pertama. Perbuatan kita pada hari ini akan menentukan siapa kita pada hari esok. Kalau kita tidak ambil peluang yang ada di depan mata sekarang, maka orang lain yang akan ambil peluang tersebut. Sentiasa jadi orang yang pertama kerana orang kedua mungkin tidak sama dengan apa yang kita dapat. Mereka yang cemburu dengan kita adalah kerana dia

berada di bawah kita. Sentiasalah mencuba benda baharu, mengikut perkembangan teknologi yang beri manfaat pada diri.

Saya berharap UPSI dapat terus maju dengan menambah pelbagai fasiliti untuk kegunaan pelajar dan masyarakat setempat. Pada masa yang sama juga dapat melahirkan dan mengasah lagi bakat pelajar untuk menjadi seorang yang lebih berjaya satu masa nanti.





“Ingin wakil Perak di kejohanan MAKSAR sebagai pencapaian tertinggi dalam sukan Petanque”



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

LATARBELAKANG

Wira UPSI kali ini menampilkan seorang anak muda yang sedang mencipta nama dalam bidang sukan Petanque di UPSI dan sering memenangi kejohanan utama anjuran Universiti Awam mahupun kejohanan terbuka anjuran pelbagai agensi. Sejak di bangku sekolah rendah lagi Hasbollah Mohd Yassin aktif dalam bidang sukan menunjukkan kebolehan dan keupayaan terutamanya dalam sukan olahraga. Anak kelahiran Tanjong Malim ini merupakan anak kepada salah seorang pemandu dan kakitangan terawal UPSI serta bapanya bertugas sejak UPSI

pada masa itu dikenali sebagai IPSI iaitu En. Mohamad Yasin Mohd Noor. Bapa beliau merupakan pemegang nombor kad staf terawal UPSI dan sudahpun bersara pada tahun 2007.

ALAM PEKERJAAN

Khidmat bakti bapa kepada UPSI diteruskan oleh Hasbollah setelah diterima masuk kerja ke UPSI sebagai Pengawal Keselamatan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun kerjaya beliau penuh dengan warna dan pengalaman yang pelbagai kerana banyak bertugas di pelbagai agensi termasuk pernah menjawat jawatan anggota polis berpangkat sarjan dan penempatan terakhirnya ialah di IPD Sabak Bernam. Tekanan dan cabaran yang amat tinggi sebagai pegawai polis, beliau nekad mengambil tindakan yang amat jarang dilakukan oleh orang lain iaitu meletak jawatan dan kemudian bertugas sebagai pengawal keselamatan di Kilang Proton. Beliau memperoleh pendidikan tertinggi di tahap Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di

Politeknik Behrang selama tiga tahun bermula 2004 hingga 2006. Selepas menamatkan pengajian di Politeknik beliau mempunyai pengalaman bekerja kilang di beberapa tempat antaranya CARSEM, Ipoh, SABIC Inovation, Klang dan beberapa lagi syarikat sebelum mendapat tawaran sebagai anggota polis.

PENGLIBATAN DALAM BIDANG SUKAN YANG PELBAGAI

Pencapaian dalam bidang sukan sebenarnya bermula dalam acara olahraga yang sangat dicintainya sejak zaman sekolah rendah. Di setiap sekolah dan pusat pengajian yang beliau belajar pasti akan mewakili sekolah dan ada yang hingga ke peringkat daerah untuk bertanding ke peringkat negeri. Begitu juga di setiap agensi yang beliau bertugas, pasti beliau akan terpilih untuk mewakili agensi dalam acara sukan. Walaupun begitu, sukan petanque tidak termasuk dalam sukan yang beliau terlibat. Sukan yang beliau ceburi ialah olahraga seperti acara 100 meter, 400 meter, lompat jauh dan lompat tinggi. Di Politeknik, selain olahraga, beliau mula menceburi sukan bola

tampar dan kemudiannya dikembangkan ke sukan yang lain lagi iaitu badminton, ping pong dan futsal. Di UPSI beliau bermula dengan mewakili UPSI dalam acara sukan bola tampar pada kejohanan SUKUM 2016 di USIM. Kemudiannya ketika UPSI menjadi tuan rumah Kejohanan SUKUM pada tahun 2017 beliau mewakili UPSI dalam sukan olahraga bagi acara 400 meter dan 4X400 meter.

Sebenarnya beliau sendiri tidak menyangka akan terlibat dalam sukan petanque yang pada mulanya beliau sedikit prejudis terhadap sukan ini. Bermula pada sukan Kiesta 2018, beliau mula bermain dan tanpa dijangka beliau berjaya memenangi pingat emas trio. selepas itu beliau tidak menoleh

kebelakang lagi dan terus menumpukan fokus pada sukan ini dan sehingga semakin meminatinya dengan mencapai kejayaan demi kejayaan dalam setiap kejohanan yang disertainya. Kejohanan yang terbesar peringkat universiti (SUKUM 2021) di UPM beliau memenangi pingat emas kategori trio. Menurut beliau, banyak ilmu dan kemahiran yang beliau peroleh melalui pengamatan dari pemain lain semasa kejohanan dan juga dari rakan sepasukan yang juga merupakan pemain negara yang mesra dengan nama panggilan Along atau nama sebenarnya Mohd Firdaus. Sukan merupakan hobi yang melibatkan banyak pengorbanan sama ada dari aspek kewangan, masa dan tenaga. Hasbullah bersyukur kerana dikelilingi oleh insan-insan yang sentiasa

memberikan sokongan terutamanya dari keluarga yang kadang-kadang memberikan sokongan moral dengan menemani beliau ketika menyertai kejohanan. Beliau juga memberitahu penulis bahawa ketua jabatannya juga selalu menyokong minat dan sumbangan beliau dengan memberikan pelepasan bertugas untuk beliau menyertai banyak kejohanan yang beliau ingin sertai dan secara tidak langsung menjadi duta kecil untuk mengharumkan dan mempromosikan nama UPSI diperingkat kebangsaan.

INGIN MEWAKILI NEGERI PERAK DALAM SUKAN MAKSAK

Beliau sangat teruja dan sering mencuba untuk menempatkan diri menjadi salah seorang



pemain yang mewakili Perak dalam kejohanan MAKSAK bersama rakan sepasukannya Along. Ini merupakan antara pencapaian tertinggi yang ingin beliau capai dan belum tertunai. Beliau agak sedikit kecewa kerana budaya pemilihan yang tidak telus berlaku dalam sukan ini kerana pernah beliau mencapai keputusan ranking 8 terbaik di peringkat negeri Perak tetapi tidak terpilih. Sebaliknya pemain yang rankingnya lebih rendah turut terpilih mewakili Perak. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak mematahkan semangat beliau, malah bertekad untuk terus berusaha mencapai impiannya serta menjadikan ia sebagai pencapaian terbaik buat diri dalam mengharumkan nama UPSI di peringkat negeri Perak dan kebangsaan. Menurut beliau yang juga bapa kepada tiga orang anak ini sangat yakin dan positif, atas minat dan kecenderungan untuk terus fokus dalam sukan ini beliau akan menggapai impian ini sambil tidak melupakan sukan olahraga yang merupakan cinta pertamanya.



PENCAPAIAN AHMAD HASBOLLAH BIN MOHAMAD YASIN

BIL	KEJOHANAN	PENCAPAIAN
1	2023-Kejohanan Petanque Angkasa Peringkat Negeri Perak	No. 5 (Triple)
2	2023-Kejohanan Petanque Terbuka PV7	No. 16 (Double)
3	2023-Kejohanan Petanque Terbuka Pulau Pinang	No. 3 (Double)
4	2023-Kejohanan Petanque Terbuka Tapah	No. 3 (Double)
5	2023-Kejohanan Petanque Terbuka Kuala Kangsar	No. 5 (Double)
6	2022-Kejohanan Petanque Terbuka Kuala Selangor	No. 5 (Double)
7	2022-Kejohanan Sukan Staf (SUKUM)	Johan (Double)
8	2021-Kejohanan Petanque Tertutup Perak	No. 2 (Double)
9	2021-Kejohanan Petanque Tertutup Perak	Johan (Triple)
10	2019-Kejohanan Petanque Terbuka UPSI	No. 5 (Triple Mix)
11	2018-Kejohanan Sukan Staf (SUKUM)	Johan (Triple)
	2017-Kejohanan Sukan Staf (SUKUM) Bola Tampar	No. 3



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS KELUARAN 4/2023 BIL. 17

Inspirasi